



Headline: Jangan terpedaya modus operandi terbaharu 'scammer' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 31 May 2022

Section: Nasional
Page: 7

Jangan terpedaya modus operandi terbaharu 'scammer'

Taktik terkini ialah memaklumkan mangsa tentang penglibatan ahli keluarga dalam kes jenayah dan dadah

Oleh Steve Annuar

MIRI: Setiausaha Parti Tindakan Demokratik (DAP) Sarawak Alan Ling memperingatkan penduduk Miri agar tidak terpedaya dengan modus operandi terbaharu 'scammer'.

Taktik terkini ialah memaklumkan mangsa tentang penglibatan ahli keluarga dalam kes jenayah dan dadah.

Menurut Ling, kes terbongkar selepas pihaknya mengesan satu kes penipuan melalui panggilan yang berlaku di sini baru-baru ini.

'Scammer' akan meyakinkan dan memperdaya mangsa sehingga sanggup melakukan transaksi deposit tunai di bank atau pemindahan wang melalui perbankan Internet.

"Di sini saya ingin



LING

menegaskan bahawa sebarang penguatkuasaan atau penyelesaian oleh pihak berkuasa atau agensi kerajaan tidak akan dilakukan melalui panggilan telefon kerana negara kita mempunyai proses perundangan yang perlu diikuti," jelas Ling.

Beliau yang juga seorang

“'Scammer' akan meyakinkan dan memperdaya mangsa sehingga sanggup melakukan transaksi deposit tunai di bank atau pemindahan wang melalui perbankan Internet.”

Alan Ling
Setiausaha DAP Sarawak

peguam berkata, sekiranya seseorang terlibat dengan aktiviti jenayah suspek akan dibawa ke balai polis dan mahkamah untuk tujuan siasatan atau perbicaraan.

'Scammer' akan melakukan pelbagai cara untuk menipu termasuk menimbulkan rasa takut dan memastikan mangsa mengikuti kehendak mereka, katanya.

Melihat kepada peningkatan kes penipuan menerusi panggilan telefon,

beliau menyeru penduduk lebih berhati-hati menjawab panggilan daripada nombor dan individu tidak dikenali.

"Sekiranya mendapat panggilan daripada orang yang tidak dikenali, teruskan bertenang dan jangan kelam-kabut, dapatkan terus nasihat daripada keluarga anda, orang sekeliling dan lebih baik merujuk terus kepada pihak polis untuk mengetahui perkara yang sebenar," nasihatnya.